

12 Mei 2007

<p>Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB)</p>	<p>Prosedur Menangani Kecurangan Peperiksaan Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran</p>	<p>No. Dokumen : JKPPPS/6</p>
<div data-bbox="514 719 888 980" data-label="Image"></div> <div data-bbox="365 1129 1013 1239" data-label="Section-Header"><p>PROSEDUR MENANGANI KECURANGAN PEPERIKSAAN PERSIJILAN PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN</p></div> <div data-bbox="403 1374 983 1546" data-label="Text"><p>LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor</p></div> <div data-bbox="431 1576 955 1650" data-label="Text"><p>Tel.: 603-89267699 Fax.: 603-89223685 http://www.aelb.gov.my</p></div>		

Prosedur Menangani Kecurangan Peperiksaan PPS

Prosedur Menangani Kecurangan Peperiksaan Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran ini telah disediakan oleh Jawatankuasa Kebangsaan Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran. Ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada:

- | | | | |
|------|--|---|--------------------------------|
| i. | Prof. Dr. Ismail bin Bahari
(Pengerusi) | - | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| ii. | Prof. Dr. Hj. Abd. Aziz bin Tajuddin | - | Universiti Sains Malaysia |
| iii. | Dr. Azmi bin Idris | - | SIRIM Berhad |
| iv. | Dr. Azali bin Muhammad | - | Agensi Nuklear Malaysia |
| v. | Tn. Hj. Mohd. Yusof bin Mohd. Ali | - | Agensi Nuklear Malaysia |
| vi. | En. Mohamed Nor bin Osman | - | Petronas Nasional Berhad |
| vii. | En. Bazli bin Sapiin | - | Kementerian Kesihatan Malaysia |
| ix. | En. Mohd. Pauzi bin Mohd. Sobari | - | Lembaga Perlesenan Tenaga Atom |
| x. | Pn. Monalija bt. Kostor
(Setiausaha) | - | Lembaga Perlesenan Tenaga Atom |

KANDUNGAN	Muka Surat
1. Skop	4
2. Singkatan	4
3. Tafsiran	4 - 5
4. Kecurangan Peperiksaan Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran	5 - 6
5. Proses Melaporkan Kecurangan Peperiksaan	6 - 11
6. Maklumat Tambahan	11

Lampiran 1 - Borang Laporan Kecurangan Peperiksaan (Borang JKPPPS/6)

1. SKOP

Standard ini menggariskan prosedur untuk menangani kecurangan Peperiksaan Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran.

Dokumen ini hendaklah digunapakai bersama-sama dengan dokumen LEM/TEK/44 Sem. 1 (BAHAGIAN E).

2. SINGKATAN

Singkatan perkataan yang digunakan di dalam Standard ini mempunyai makna seperti berikut:

- 2.1 AELB adalah *Atomic Energy Licensing Board* yang membawa makna Lembaga Perlesenan Tenaga Atom;
- 2.2
- 2.3 JKPPPS adalah Jawatankuasa Kebangsaan Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran; dan
- 2.4
- 2.5 PPS adalah Pegawai Perlindungan Sinaran.

3. TAFSIRAN

3.1 Pusat Peperiksaan

Pusat Peperiksaan adalah Pusat Peperiksaan Persijilan PPS iaitu tempat yang telah diiktiraf oleh AELB bagi menjalankan Peperiksaan Persijilan PPS.

3.2 Peperiksaan

Peperiksaan bermaksud Peperiksaan Persijilan PPS.

3.3 Ketua Pengawas

Pegawai yang dilantik oleh JKPPPS atas kelulusan AELB untuk mengetuai pengendalian Peperiksaan Persijilan PPS.

3.4 Pengawas

Pegawai yang dilantik oleh JKPPPS atas kelulusan AELB untuk membantu Ketua Pengawas dalam pengendalian Peperiksaan Persijilan PPS.

3.5 Jurutunjuk Teknikal

Mana-mana staf sokongan teknikal yang berdaftar daripada Pusat Peperiksaan atau daripada Agensi Latihan yang diiktiraf oleh AELB untuk membantu Ketua Pengawas dalam mengendalikan Peperiksaan Amali (Makmal) Peperiksaan Persijilan PPS.

3.6 Penggubal Soalan

Individu yang dilantik oleh JKPPPS untuk membantu menggubal soalan Peperiksaan Persijilan PPS.

4. **KECURANGAN PEPERIKSAAN**

Kecurangan peperiksaan merangkumi perkara-perkara berikut:

4.1 Meniru

4.1.1 Memiliki atau menggunakan nota, alat bantuan mengajar atau maklumat yang tidak dibenarkan semasa peperiksaan.

4.1.2 Membenarkan seseorang individu melakukan kerja bagi pihak calon yang menduduki peperiksaan dan menyerahkan hasil kerja tersebut dengan menggunakan nama calon berkenaan.

4.1.3 Melihat kertas peperiksaan calon lain untuk mendapatkan strategi atau jawapan.

4.1.4 Berkomunikasi secara lisan atau bahasa badan yang di anggap sebagai membolehkan calon meniru.

4.2 Plagiat

Mencedok kata-kata, idea dan sebagainya daripada orang lain dan menggunakannya sebagai karyanya sendiri atau meniplak.

4.3 Mendapatkan kelebihan/kebaikan yang tidak sepatutnya

4.3.1 Menyimpan, memiliki, mengguna atau mengedar bahan peperiksaan yang tidak dibenarkan oleh JKPPPS dan AELB.

4.3.2 Mengguna atau cuba menggunakan hubungan peribadi, rasuah, ancaman atau perbuatan yang tidak sah untuk memperolehi gred yang tidak sepatutnya atau untuk kepentingan peperiksaan.

4.4 Membantu atau bersubahat dalam kecurangan peperiksaan

Menyediakan bahan, maklumat atau bantuan lain kepada seseorang yang dapat digunakan untuk tujuan 4.1, 4.2 dan 4.3.

4.5 Pemalsuan rekod dan dokumen rasmi

4.5.1 Mengubahsuai dokumen yang dapat memberi kesan ke atas rekod peperiksaan, meniru tandatangan kebenaran atau pemalsuan maklumat ke atas dokumen peperiksaan rasmi, laporan gred, kad pengenalan/pasport atau sebarang dokumen rasmi JKPPPS dan AELB.

4.5.2 Memberikan gambaran yang salah atau komplot dengan individu lain untuk memberi gambaran yang salah berkenaan calon yang menduduki peperiksaan atau terlibat dalam sebarang bentuk penilaian.

4.5.3 Menyediakan maklumat atau dokumen yang salah atau mengelirukan untuk memperolehi kebenaran untuk memasuki Pusat Peperiksaan atau mana-mana program JKPPPS dan AELB.

5. PROSES MELAPORKAN KECURANGAN PEPERIKSAAN

5.1 Apabila berlaku kes kecurangan peperiksaan, bahan bukti perlu dikumpulkan oleh Ketua Pengawas/Pengawas/AELB yang menjalankan pemantauan.

5.2 Ketua Pengawas/Pengawas/AELB tersebut perlu menyediakan laporan dan menyerahkannya kepada Pengerusi JKPPPS dalam tempoh 3 hari bekerja selepas kejadian tersebut berlaku.

5.3 Setelah menerima laporan tersebut, Pengerusi JKPPPS perlu menghantar surat kepada tertuduh untuk mendapatkan penjelasan secara bertulis daripada tertuduh dalam tempoh 14 hari.

5.4 Tertuduh perlu memberi maklumbalas secara bertulis kepada Pengerusi JKPPPS dalam tempoh 14 hari daripada tarikh surat berkenaan.

5.5 Selepas tempoh 14 hari:

5.5.1 Sekiranya surat penjelasan diterima daripada tertuduh, surat tersebut berserta bahan bukti yang mencukupi akan dibawa ke mesyuarat JKPPPS untuk perbincangan lanjut.

5.5.2 Sekiranya surat penjelasan tidak diterima daripada tertuduh, mesyuarat JKPPPS berhak membuat keputusan terhadap kes kecurangan peperiksaan berdasarkan kepada fakta-fakta yang ada. Walau

bagaimanapun, tertuduh boleh dipanggil untuk disoalsiasat (sekiranya perlu) untuk membantu siasatan.

- 5.6 JKPPPS akan membuat keputusan berdasarkan merit yang telah ditetapkan. JKPPPS berhak menubuhkan satu Jawatankuasa Penyiasatan untuk menjalankan siasatan terperinci dan melaporkan kepada JKPPPS dalam tempoh 30 hari.
- 5.7 Mesyuarat JKPPPS akan membuat keputusan ke atas kes kecurangan peperiksaan tersebut berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:
- 5.7.1 Adakah kecurangan peperiksaan benar-benar berlaku? (Ya / Tidak)
- 5.7.2 Adakah tertuduh mempunyai niat untuk melakukan kecurangan peperiksaan? (Ya / Tidak)
- 5.7.3 Apakah tahap keseriusan perlakuan tertuduh?
(Tahap 1, Tahap 2 atau Tahap 3)
- 5.8 Sekiranya kes kecurangan peperiksaan benar-benar berlaku, JKPPPS perlu menjatuhkan hukuman ke atas tertuduh berdasarkan kepada perkara berikut:

Persoalan	Jawapan
1. Adakah kecurangan peperiksaan benar-benar berlaku?	Ya (1)
	Tidak (0)
2. Adakah tertuduh mempunyai niat untuk melakukan kecurangan peperiksaan?	Ya (1)
	Tidak (0)
3. Apakah tahap keseriusan perlakuan tertuduh?	Tahap 1 (0)
	Tahap 2 (1)
	Tahap 3 (2)

- 5.8.1 Definisi Tahap 1 - Kesalahan yang tidak membawa keuntungan kepada tertuduh / pihak lain secara langsung.
- 5.8.2 Definisi Tahap 2 - Kesalahan yang membawa keuntungan kepada tertuduh tetapi tidak kepada pihak lain.
- 5.8.3 Definisi Tahap 3 - Kesalahan yang membawa keuntungan kepada tertuduh dan pihak lain dalam jangka masa panjang.
- 5.9 Tindakan / Hukuman
- 5.9.1 Jumlah Markah 0:
- Tiada hukuman dikenakan ke atas tertuduh.

5.9.2 Jumlah Markah 1:

Jika tertuduh didapati bersalah:

- a) Keputusan peperiksaan tertuduh dibatalkan bagi semua kertas peperiksaan yang diambil pada masa yang sama, dan tertuduh perlu menduduki semula kertas peperiksaan yang terlibat, dan tertuduh digantung daripada menduduki 1 peperiksaan yang seterusnya ATAU digantung daripada menduduki peperiksaan selama 3 bulan dari tarikh hukuman berkuatkuasa (yang mana terdahulu).

Hukuman bermula dari tarikh berkuatkuasanya hukuman dijatuhkan.

ATAU

- b) Sekiranya tertuduh merupakan Ketua Pengawas/ Pengawas/ Jurutunjuk Teknikal/ Pemeriksa/ Penggubal Soalan, tertuduh akan diberi amaran dan dihalang daripada terlibat dalam aktiviti peperiksaan berkaitan dalam tempoh 6 bulan.

Hukuman bermula dari tarikh berkuatkuasanya hukuman dijatuhkan.

ATAU

- c) Sekiranya tertuduh merupakan individu yang tidak terlibat dalam peperiksaan, majikan tertuduh atau AELB akan dimaklumkan berkaitan kesalahan tersebut.

5.9.3 Jumlah Markah 2:

Jika tertuduh didapati bersalah:

- a) Keputusan peperiksaan tertuduh dibatalkan bagi semua kertas peperiksaan yang diambil pada masa yang sama, dan tertuduh perlu menduduki semula kertas peperiksaan yang terlibat, dan tertuduh digantung daripada menduduki 2 peperiksaan yang seterusnya yang dijalankan ATAU digantung daripada menduduki peperiksaan selama 6 bulan dari tarikh peperiksaan (yang mana terdahulu).

Hukuman bermula dari tarikh berkuatkuasanya hukuman dijatuhkan.

ATAU

- b) Sekiranya tertuduh merupakan Ketua Pengawas/ Pengawas/ Jurutunjuk Teknikal/ Pemeriksa/ Penggubal Soalan, tertuduh akan diberi amaran dan dihalang daripada terlibat dalam aktiviti peperiksaan berkaitan dalam tempoh 1 tahun.

Hukuman bermula dari tarikh berkuatkuasanya hukuman dijatuhkan.

ATAU

- c) Sekiranya tertuduh merupakan individu yang tidak terlibat dalam peperiksaan, majikan tertuduh atau AELB akan dimaklumkan berkaitan kesalahan tersebut.

5.9.4 Jumlah Markah 3:

Jika tertuduh didapati bersalah:

- a) Keputusan peperiksaan tertuduh dibatalkan bagi semua kertas peperiksaan yang diambil pada masa yang sama, dan tertuduh perlu menduduki semula kertas peperiksaan yang terlibat, dan tertuduh digantung daripada menduduki 3 peperiksaan yang seterusnya yang dijalankan ATAU digantung daripada menduduki peperiksaan selama 1 tahun dari tarikh peperiksaan (yang mana terdahulu).

Hukuman bermula dari tarikh berkuatkuasanya hukuman dijatuhkan.

ATAU

- b) Sekiranya tertuduh merupakan Ketua Pengawas/ Pengawas/ Jurutunjuk Teknikal/ Pemeriksa/ Penggubal Soalan, tertuduh akan diberi amaran dan dihalang daripada terlibat dalam aktiviti peperiksaan berkaitan dalam tempoh 2 tahun.

Hukuman bermula dari tarikh berkuatkuasanya hukuman dijatuhkan.

ATAU

- c) Sekiranya tertuduh merupakan individu yang tidak terlibat dalam peperiksaan, majikan tertuduh atau AELB akan dimaklumkan berkaitan kesalahan tersebut.

5.9.5 Jumlah Markah 4:

Jika tertuduh didapati bersalah:

- a) Keputusan peperiksaan tertuduh dibatalkan bagi semua kertas peperiksaan yang diambil pada masa yang sama, dan tertuduh perlu menduduki semula kertas peperiksaan yang terlibat, dan tertuduh digantung daripada menduduki 6 peperiksaan yang seterusnya yang dijalankan ATAU digantung daripada menduduki peperiksaan selama 2 tahun dari tarikh peperiksaan (yang mana terdahulu).

Hukuman bermula dari tarikh berkuatkuasanya hukuman dijatuhkan.

ATAU

- b) Sekiranya tertuduh merupakan Ketua Pengawas/ Pengawas/ Jurutunjuk Teknikal/ Pemeriksa/ Penggubal Soalan, tertuduh akan diberi amaran dan dihalang daripada terlibat dalam aktiviti peperiksaan berkaitan dalam tempoh 3 tahun.

Hukuman bermula dari tarikh berkuatkuasanya hukuman dijatuhkan.

ATAU

- c) Sekiranya tertuduh merupakan individu yang tidak terlibat dalam peperiksaan, majikan tertuduh atau AELB akan dimaklumkan berkaitan kesalahan tersebut.

5.10 Sekiranya tertuduh merupakan staf AELB, pihak pengurusan AELB berhak mengenakan hukuman selain daripada yang disenaraikan di atas.

5.11 Sekiranya kes kecurangan peperiksaan ini melibatkan pihak ketiga (contohnya individu yang menduduki peperiksaan bagi pihak calon), pihak pengurusan AELB boleh melaporkan kes berkenaan kepada pihak polis

- 5.12 Tertuduh yang telah dijatuhkan hukuman boleh membuat rayuan kepada AELB. Keputusan rayuan akan diambil setelah mendapat pandangan daripada JKPPPS.

6. MAKLUMAT TAMBAHAN

Keperluan Standard ini tertakluk kepada perubahan oleh JKPPPS dan AELB dari semasa ke semasa.